

07/10/2000

Proton buat enjin sendiri (HL)

Badrila Jamlus in London
NORWICH (United Kingdom), Jumaat - Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) akan mengeluarkan enjin buatan sendiri menjelang 2002, sekali gus berupaya menjimatkan kos pengeluaran kereta nasional sehingga 25 peratus.

Program pembangunan dan reka bentuk enjin dikenali sebagai projek enjin kecil (S-ENG) membabitkan pelaburan RM450 juta itu, dijalankan dalam lima fasa bermula April 1999, melalui kerjasama dengan syarikat milik Proton, Lotus Engineering dari United Kingdom (UK).

Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Platform Baru, Pembangunan dan Penyelidikan (R&D), Proton Kamarulzaman Darus, berkata langkah menghasilkan enjin itu dapat menjimatkan aliran keluar mata wang yang ditanggung sekarang menerusi pengimportan enjin.

Melalui projek S-ENG, Proton akan mempunyai hak cipta intelektual (IPR) sendiri.

Proton, sejak penubuhannya, mengimport enjin Mitsubishi Motors Corporation (MMC) dari Jepun untuk rangkaian model keretanya termasuk model terbaru, Proton Waja 1.6 liter dan Citroen, Perancis untuk model Tiara.

Kamarulzaman berkata, projek S-ENG akan membabitkan pengeluaran dua jenis enjin berkuasa 1.3 liter yang mampu menjana 70 kW/120 Nm dan 1.6 liter yang berupaya menjana 82 kW/148 Nm.

Projek pembangunan enjin itu kini sudah memasuki fasa kedua iaitu pengeluaran enjin prototaip yang sudah diuji pada Julai lalu di kilang Lotus di UK.

"Enjin yang akan dikeluarkan ini dibangunkan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Petronas yang akan membuat kajian dari segi penggunaan bahan api dan minyak pelincir yang sesuai untuk enjin ini.

"Pengeluaran kedua-dua jenis enjin ini akan bermula pada suku keempat 2001 hingga suku keempat 2002," katanya sempena lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke kilang Lotus, hari ini.

Perdana Menteri, yang dalam rangka lawatan kerja ke England, turut merasmikan bangunan baru studio rekabentuk Lotus dan menyaksikan sendiri enjin prototaip Proton.

Dr Mahathir turut menyampaikan sijil kepada pegawai dan pengurus yang terbabit dengan projek S-ENG.

Kamarulzaman berkata, enjin yang dihasilkan itu juga menepati piawaian ketat Euro 3 dan boleh ditingkatkan ke tahap keempat (Euro 4) yang berkuat kuasa pada 2005.

Katanya, pembangunan enjin itu mengambil kira pelbagai perkara antaranya tahap penggunaan bahan api, emisi ekzos, tahap bunyi bising dan aspek guna semula yang mana kemampuan enjin itu boleh diguna semula sehingga tahap 80 peratus pada 2005.

Bagaimanapun, katanya aspek keselamatan turut menjadi keutamaan yang berkaitan dengan kesan pelanggaran hadapan dan sisi.

Kamarulzaman berkata, Proton akan menggunakan enjin yang diperbuat daripada besi yang boleh diguna semula dan merancang untuk membina kilang pengeluaran enjin itu di negara ini.

"Kami sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa vendor sama ada mereka berminat untuk membuat pelaburan dalam mengeluarkan transmisi (sistem gear bagi enjin) Proton ini," katanya.

(END)